

KEJAYAAN SISWAZAH

Khamis lalu, Presiden Institusi Teknologi Singapura (SIT) mengumumkan bahawa lulusan SIT menikmati prospek pekerjaan yang setanding lulusan universiti lain di Singapura berdasarkan Kajian Pekerjaan Siswazah (GES) tahun lalu. Tiga pelajar Melayu cemerlang antara pelajar SIT yang mampu mendapatkan pekerjaan dalam bidang yang diceburi setelah tamat pengajian. Ikuti laporan wartawan **FAKHRURADZI ISMAIL** (mfismail@sph.com.sg).

Lulusan SIT mampu cari kerja cepat

SISWAZAH Institusi Teknologi Singapura (SIT) menunjukkan prestasi memberangsangkan dalam pasaran pekerjaan berdasarkan Kajian Pekerjaan Siswazah (GES) 2014.

Lulusan SIT yang meraih ijazah tahun lalu menikmati kadar guna tenaga ('employment rate') yang tinggi dengan memperoleh 91.7 peratus.

Sebanyak 86 peratus antara mereka pula berjaya mendapatkan pekerjaan sepenuh masa enam bulan selepas menduduki peperiksaan terakhir, menurut Presiden SIT, Profesor Tan Thiam Soon.

Beliau berkata demikian semasa berucap di majlis tamat pengajian bagi pelajar Maktab Trinity Dublin (TCD) dan SIT-TCD Khamis lalu.

Menurut Profesor Tan, perangkaan tersebut adalah tertinggi jika dibandingkan dengan universiti lain di sini.

Lebih 1,000 siswazah SIT tahun lalu mengambil bahagian dalam kajian GES yang dilakukan dari Mac hingga Mei tahun ini.

Ini kali pertama SIT menyertai kajian tahunan yang telah dijalankan bersama universiti setempat lain seperti Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU). GES ditauliahkan pelaksanaannya oleh Kementerian Pendidikan (MOE).

Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa siswazah SIT meraih gaji bulanan kasar yang tinggi, yakni antara \$3,100 dan \$3,500.

Menurut Naib Presiden (Industri dan Masyarakat) SIT, Profesor Madya Ivan Lee, ijazah yang ditawarkan SIT membantu pelajar menjadi lebih bersedia mengharungi alam pekerjaan.

"Kadar pekerjaan tinggi, gaji yang kompetitif dan pekerjaan yang telah pelajar kami kecapai menunjukkan mereka telah didedahkan dan dilengkapi dengan kemahiran pekerjaan yang setaraf industri," ujar beliau.

Beliau juga menyatakan siswazah itu dapat menyesuaikan diri dengan keadaan pasaran.

Mereka dapat mempelajari sesuatu yang baru dan ini adalah pemikiran penting yang dapat meningkatkan nilai mereka kepada majikan, ujarnya.

Seramai 123 pelajar telah merai ijazah mereka dalam bidang sains yang diadakan di auditorium di kampus SIT di Dover.



MAHU MENYUMBANG KEMBALI: Cik Atiqah (kiri) gembira berada di Dublin dulu dan ingin menyumbang kembali dalam kesihatan awam setempat. Bersamanya ialah lulusan SIT lain, Encik Muhammad Zafrie Saad dan Cik Suhailah Abdul Shukor. - Foto-foto TAUFIK A. KADER

Program fisioterapi Dublin pembuka mata

SEBAGAI pakar fisioterapi, Cik Nur Atiqah Sidek terdorong mendidik pesakit supaya memahami keadaan dan pada masa yang sama, menjaga diri sendiri dengan lebih baik.

Pengalaman yang telah Cik Atiqah, 19 tahun, lalu sewaktu mengikuti Program Penyerapan Luar Negara (OIP) di Maktab Trinity Dublin, Ireland, telah membuka mata dan memberinya perspektif berbeza ketika mengendali pesakit.

Lulusan sarjana muda bidang sains (fisioterapi) Institusi Teknologi Singapura (SIT) itu berkata pesakit di Dublin berbeza dari segi keprihatinan mereka tentang kesihatan mereka sendiri dan lebih bersemangat berbanding pesakit di Singapura.

"Pesakit di sana mengambil berat akan kesihatan mereka dan sering melakukan kajian sendiri."

"Mereka lebih bermotivasi ingin mengetahui lebih lanjut tentang kesakitan yang dialami."

"Ini berbeza dengan pesakit di Singapura yang memerlukan dorongan pakar kesihatan," ujarnya, yang juga penerima markah tertinggi kursus fisioterapi bagi tahun akademik 2014.

Beliau antara 123 pelajar

yang menerima ijazah di majlis tamat pengajian pelajar Maktab Trinity Dublin (TCD) dan SIT-TCD yang diadakan Khamis lalu.

Kebanyakan lulusan SIT sudah pun mendapat pekerjaan tetap dalam bidang tersendiri.

Cik Atiqah, yang bekerja di Hospital Masyarakat Ren Ci sejak tamat pengajian di Politeknik Nanyang (NYP), mengambil keputusan melanjutkan pelajaran di SIT kerana universiti setempat tidak menawarkan kursus fisioterapi.

Selain itu, SIT bekerjasama dengan universiti luar negara seperti TCD, yang mempunyai kursus mantap.

"Ketika di SIT, saya diberi kesempatan merenung kembali apa yang telah dipelajari dan alami, serta menggabungkan kedua-duanya sekali, supaya dapat menjadi pakar fisioterapi yang lebih baik pada masa depan," ujarnya.

Akhir kata, impian Cik Atiqah adalah menyumbang semula ke dalam bidang kesihatan awam setempat dan berharap apa yang telah beliau pelajari sebagai pakar fisioterapi dapat memberi kesan kepada penduduk Singapura secara keseluruhan.

Tidak menyesal tolak peluang belajar di Australia, UK

BELIAU ditawarkan biasiswa melanjutkan pelajaran ke luar negara seperti Australia atau United Kingdom (UK).

Sebaliknya, Encik Muhammad Zafrie Saad membuat keputusan menyertai Institusi Teknologi Singapura (SIT).

Walaupun ramai pelajar Singapura tidak akan melepaskan peluang keemasan sedemikian, Encik Zafrie, 25 tahun, berpendapat kursus terapi radiasi tawaran SIT dengan kerjasama Maktab Trinity Dublin (TCD) merangkumi aspek penyelidikan intensif berbanding universiti di Australia mahupun UK.

Encik Zafrie antara tujuh pelajar jurusan terapi radiasi di SIT yang meraih keputusan cemerlang dan mendapat ijazah sarjana muda bidang sains (terapi radiasi) sewaktu majlis tamat pengajian SIT Khamis lalu.

Pengalaman beliau sewaktu Program Penyerapan Luar Negara (OIP) di TCD membantu beliau ber-



GEMBIRA ATAS PENCAPAIAN: Encik Zafrie gembira dengan ijazah yang diperolehinya dan tidak kesal menolak tawaran belajar di UK.

interaksi dengan pelajar lain dan juga pesakit, serta memahami secara lebih mendalam mengenai pekerjaan sebagai pakar terapi radiasi.

"Pesakit di sana lebih terbuka dan mudah berinteraksi berbanding

pesakit Singapura yang kadangkala malu dengan keadaan kesihatan mereka," ujar Encik Zafrie, yang juga gemar mengembara dan melakukan kerja sukarela di luar negara.

Program OIP memerlukan pelajar SIT bekerja selama sembilan minggu di Dublin sambil belajar.

Mereka menimba pengalaman bukan sahaja dalam bilik darjah, malah di klinik tempatan dan hospital.

Menurut Encik Zafrie, dengan adanya ijazah SIT, ia telah memberinya persediaan dan lebih berilmu sewaktu membuat penyelidikan dalam kerjayanya.

"Jika saya ingin menceburi aspek penyelidikan dalam pekerjaan sekarang, ijazah ini membolehkan saya tahu apa yang harus dilakukan dalam penyelidikan tersebut dan apa yang perlu dikaji," ujar beliau.

Encik Zafrie kini bekerja di Pusat Barah dan berharap dapat meniti kemajuan. Beliau juga mahu mengecapi impian menjadi pakar bidang dosimetri radiasi.

Dalami ilmu demi bantu pesakit



BANTU PESAKIT DI IMH: Sebagai jurupulih pekerjaan, Cik Nur Atiqah Sidek berharap dapat meningkatkan mutu kehidupan pesakitnya.

PENDIDIKAN yang diperolehi Cik Nur Atiqah Sidek di Politeknik Nanyang (NYP) dirasa masih belum mencukupi bagi memahami lebih mendalam tentang kerjayanya sebagai jurupulih pekerjaan.

Ketika bekerja di Institusi Kesihatan Mental (IMH) sebagai jurupulih pekerjaan juga, beliau merasai perkara yang sama.

Dua tahun kemudian, Cik Nur Atiqah, kini 25 tahun, membuat keputusan berehat buat sementara waktu sebelum menyambung pelajarannya.

Beliau mengikuti kursus ijazah sarjana muda bidang

terapi pekerjaan Institusi Teknologi Singapura (SIT) dan Maktab Trinity Dublin (TCD).

Menurut Cik Nur Atiqah, pelajar NYP hanya diajar dari segi kemahiran dan pengetahuan asas sahaja.

Namun, bagi Cik Nur Atiqah, SIT mampu mempersiapkannya dari segi kemahiran reflektif, justeru menjadikan beliau lebih kritikal dalam menilai program dan perkhidmatan yang disediakan di negara ini.

"Dengan kemahiran ini, ia membantu saya membuat pencerakinan dan teliti perincian dalam bidang perubahan serta kesihatan, dan bagaimana jurupulih pekerjaan membantu dalam kemajuan bidang ini," ujarnya.

Peluang yang diberikan sewaktu berada di Dublin, Ireland, ketika menjalani Program Penyerapan Luar Negara (OIP) TCD, membolehkan beliau merenungi keberkesanan khidmat perubatan dan kesihatan di Singapura, ujar Cik Nur Atiqah.

"Ia juga membantu kita memikirkan cara memperbaiki keadaan bidang terapi pekerjaan masa kini di Singapura, dari segi program dan perkhidmatan yang baru," ujarnya.

Sebagai jurupulih pekerjaan, tugasnya memerlukan beliau membantu pesakit yang terjejas akibat ketidakpuayaan mereka atau menangani isu-isu kesihatan mental yang dihadapi dari segi pemulihan dan peningkatan diri.

Oleh sebab itu, Cik Nur Atiqah berharap dapat meningkatkan cara beliau melakukan rawatan bersama pesakit di IMH, selain menjadi lebih fokus.

"Saya juga mahu meningkatkan mutu kehidupan pesakit, serta menyumbang kemahiran dalam membangunkan bidang terapi pekerjaan di Singapura," ujarnya, mengakhiri wawancara.